



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA
SABTU , 24 MAC 2018**

1. MASALAH EKSPORT SARANG BURUNG WALIT KE CHINA HAMPIR SELESAI – SH ONLINE
2. MASALAH EKSPORT SARANG BURUNG WALIT KE CHINA HAMPIR SELESAI – MY NEWS HUB
3. KERAJAAAN PERTINGKAT KEMUDAHAN EKSPORT SARANG WALET – BERNAMA
4. GOVT CLOSE TO RESOLVING ISSUE OF EXPORT OF UNPROCESSED SWIFLET NESTS TO CHINA – BERNAMA
5. MAHA LUNDU TARIK LEBIH 20 RIBU PENGUNJUNG – SARAWAK VOICE
6. 20,000 SERBU ROAD TO MAHA LUNDU – UTUSAN SARAWAK
7. PENGELURAN IKAN AIR ATAWA DISASAR MENINGKAT 50 PERATUS – BERNAMA
8. PENGELURAN IKAN AIR ATAWA DISASAR MENINGKAT 50 PERATUS – MY NEWS HUB

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2018	SINAR HARIAN	ONLINE	

Masalah eksport sarang walit ke China hampir selesai

24 MAC 2018



Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (tengah) bersama para pengusaha burung walit pada Majlis Perjumpaan Bersama Pengusaha Burung Walit Malaysia hari ini. - Foto Bernama

KUALA TERENGGANU - Pengusaha burung walit mentah disaran terus menaruh kepercayaan kepada kerajaan bagi menyelesaikan masalah mengeksport ke China kerana ia hampir mencapai keputusan akhir.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, rundingan tidak pernah terhenti malah pelbagai syarat yang dikenakan negara itu telah cuba dipatuhi sebaiknya, namun ia bukanlah boleh diselesaikan dalam tempoh singkat.

Katanya, rundingan sejak tahun lepas itu perlu dilakukan bagi meraih kepercayaan China susulan berlaku beberapa 'kecurangan' oleh negara pengeksport lain.

"Saya telah beritahu pengusaha bahawa kita telah berada dalam persiapan terakhir bagi membolehkan sarang burung walit mentah ini dihantar terus ke China dan kita telah tandatangani protokol kira-kira lebih setahun lalu.

"Protokol ini membolehkan pihak China memberi kuasa kepada kerajaan kita di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk membuat pemeriksaan dan rundingan dengan pengusaha supaya memenuhi syarat yang telah China tetapkan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan lebih 200 pengusaha burung walit dari pelbagai negeri di sini, hari ini.

Tambahnya, dalam sesi kali ini beliau amat berpuas hati dengan komitmen yang ditunjukkan pengusaha malah Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga berpeluang menerangkan 'kepercayaan' yang dipohon pihak China supaya tiada kecurangan dan bekalan sarang burung tercemar.

"Saya percaya tidak lama lagi ia jadi kenyataan dan sekarang pun kita dapat lihat tekanan harga yang suatu ketika dulu pernah jatuh R800 sekilogram dan sekarang meningkat antara RM4,000 hingga RM5,000 sekilogram.

Ahmad Shabery yang juga Ahli Parlimen Kemaman berkata, pihaknya telah dimaklumkan bahawa beberapa pihak di China telah mula membina dua blok bangunan bernilai RM400 juta di kawasan perindustrian sebagai persediaan menerima kedatangan burung walit dari Malaysia.

Selain itu, bagi menggalakkan lebih ramai yang berminat mengusahakan industri tersebut, Ahmad Shabery berkata, Bank Pertanian telah diarahkan untuk menilai semula bentuk bantuan yang boleh disalurkan.

"Kita sedar negara kita ada lebih 10,000 pengusaha burung walit berdaftar dan mungkin lebih daripada 20,000 rumah (burung walit) yang ada dalam negara dan ia sekali gus mengangkat pendapatan dan taraf hidup rakyat, terutama di luar bandar.

"Bukan mudah untuk mengeksport hasil kita ke China. Contohnya nanas, kita ambil masa 10 tahun untuk masuk, angka sehingga 12 tahun dan kini kita berharap dapat mempercepatkan hasil durian kita untuk masuk ke sana tetapi burung walit ini telah dapat protokol pertama dan saya percaya setahun itu perkara biasa...China adalah negara yang memunyai dasar dan piawaian pemakanan yang tinggi," katanya.

Mengikut rekod, negara ini telah mengeksport sebanyak 400 tan metrik sarang burung walit dan hanya 35 tan metrik sahaja yang telah diproses, namun kebanyakannya terpaksa melalui negara lain yang bertindak sebagai ejen untuk dieksport ke China. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2018	MY NEWS HUB	ONLINE	

Masalah Eksport Sarang Walit Ke China Hampir Selesai

Published on Mar 24, 2018 in [Terkini](#)



KUALA TERENGGANU – Pengusaha burung walit mentah disaran terus menaruh kepercayaan kepada kerajaan bagi menyelesaikan masalah mengeksport ke China kerana ia hampir mencapai keputusan akhir.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, rundingan tidak pernah terhenti malah pelbagai syarat yang dikenakan negara itu telah cuba dipatuhi sebaiknya, namun ia bukanlah boleh diselesaikan dalam tempoh singkat.

Katanya, rundingan sejak tahun lepas itu perlu dilakukan bagi meraih kepercayaan China susulan berlaku beberapa 'kecurangan' oleh negara pengeksport lain.

"Saya telah beritahu pengusaha bahawa kita telah berada dalam persiapan terakhir bagi membolehkan sarang burung walit mentah ini dihantar terus ke China dan kita telah tandatangani protokol kira-kira lebih setahun lalu.

"Protokol ini membolehkan pihak China memberi kuasa kepada kerajaan kita di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk membuat pemeriksaan dan rundingan dengan pengusaha supaya memenuhi syarat yang telah China tetapkan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan lebih 200 pengusaha burung walit dari pelbagai negeri di sini, hari ini.

Tambahnya, dalam sesi kali ini beliau amat berpuas hati dengan komitmen yang ditunjukkan pengusaha malah Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga berpeluang menerangkan 'kepercayaan' yang dipohon pihak China supaya tiada kecurangan dan bekalan sarang burung tercemar.

"Saya percaya tidak lama lagi ia jadi kenyataan dan sekarang pun kita dapat lihat tekanan harga yang suatu ketika dulu pernah jatuh R800 sekilogram dan sekarang meningkat antara RM4,000 hingga RM5,000 sekilogram.

Ahmad Shabery yang juga Ahli Parlimen Kemaman berkata, pihaknya telah dimaklumkan bahawa beberapa pihak di China telah mula membina dua blok bangunan bernilai RM400 juta di kawasan perindustrian sebagai persediaan menerima kedatangan burung walit dari Malaysia.

Selain itu, bagi menggalakkan lebih ramai yang berminat mengusahakan industri tersebut, Ahmad Shabery berkata, Bank Pertanian telah diarahkan untuk menilai semula bentuk bantuan yang boleh disalurkan.

"Kita sedar negara kita ada lebih 10,000 pengusaha burung walit berdaftar dan mungkin lebih daripada 20,000 rumah (burung walit) yang ada dalam negara dan ia sekali gus mengangkat pendapatan dan taraf hidup rakyat, terutama di luar bandar.

"Bukan mudah untuk mengeksport hasil kita ke China. Contohnya nanas, kita ambil masa 10 tahun untuk masuk, angka sehingga 12 tahun dan kini kita berharap dapat mempercepatkan hasil durian kita untuk masuk ke sana tetapi burung walit ini telah dapat protokol pertama dan saya percaya setahun itu perkara biasa...China adalah negara yang memunyai dasar dan piawaian pemakanan yang tinggi," katanya.

Mengikut rekod, negara ini telah mengeksport sebanyak 400 tan metrik sarang burung walit dan hanya 35 tan metrik sahaja yang telah diproses, namun kebanyakannya terpaksa melalui negara lain yang bertindak sebagai ejen untuk dieksport ke China. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2018	BERNAMA	ONLINE	

Kerajaan peringkat kemudahan eksport sarang walet

Oleh Aslina Abu Bakar
cnews@nstp.com.my



MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (tiga dari kanan) bertanyakan sesuatu kepada pengusaha Industri Sarang Burung Walet ketika majlis ramah mesra di Hotel Primula. - Foto Aslina Abu Bakar

KUALA TERENGGANU: Kerajaan di peringkat akhir rundingan untuk menyediakan kemudahan lebih baik kepada pengusaha bagi mengeksport terus sarang walet mentah ke China.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata rundingan yang dijalankan sejak tahun lalu itu menunjukkan perkembangan positif apabila China sudah pun menyediakan tempat untuk menerima sarang walet mentah dari Malaysia.

"Kerajaan sudah menandatangani protokol setahun lalu bagi membolehkan pihak China memberi akses kepada kerajaan membuat pemeriksaan dan rundingan dengan pihak pengusaha dalam memenuhi syarat yang mereka tentukan sebelum mengeksport sarang burung ini.

"Kita perlu mendapatkan persetujuan China sebelum mengeksport sarang burung mentah ke negara berkenaan memandangkan mereka mahu mendapatkan sarang burung berkualiti, selain membantu pengusaha tempatan mendapat harga yang sewajarnya dengan kualiti sarang yang dihantar," katanya selepas bertemu pengusaha sarang walet, di sini, hari ini.

Ahmad Shabery berkata, China sudah membangunkan dua blok bangunan bernilai RM400 juta di Kawasan Perindustrian Chengdu, bagi menerima kemasukan sarang walet Malaysia.

"Buat masa ini kita mempunyai lebih 10,000 pengusaha walet yang berdaftar membabitkan 20,000 rumah sarang.

"Dengan harga sarang walet mentah yang boleh mencecah RM4,000 hingga RM5,000 setiap kilogram, kita yakin dapat membantu pengusaha mengembangkan lagi sayap perniagaan mereka ke luar negara," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga mengarahkan pihak Agro Bank membantu pengusaha daripada segi pinjaman, selain meneliti beberapa tanah untuk dijadikan kawasan perindustrian berkenaan.

"Kita berharap operasi mengeksport sarang walet mentah dapat direalisasikan tahun ini dan dalam tempoh terdekat melihat kepada kesungguhan kerajaan terhadap industri ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2018	BERNAMA	ONLINE	

Govt close to resolving issue of export of unprocessed swiftlet nests to China

Last update: 24/03/2018



KUALA TERENGGANU, March 24 (Bernama) --The government is close to a final resolution over the problem of the export of unprocessed swiftlet nests to China.

In this regard, the Minister of Agriculture and Agro-Based Industry, Datuk Seri Shabery Cheek has urged entrepreneurs dealing in the commodity to continue placing their faith in the government to resolve the issue.

He said efforts at negotiations had never ended, while various conditions had been imposed by China and every effort made to comply, but it could not be resolved over the short term.

He added that discussions since last year had to be held to gain China's confidence as a result of the unethical actions by certain other exporting nations of swiftlet nests.

"The authorities are now very careful in wanting to ensure that the quality of unprocessed swiftlet nests meets the standards set...

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2018	SARAWAK VOICE	ONLINE	

MAHA Lundu tarik lebih 20 ribu pengunjung

Annur Kapok
March 24, 2018

LUNDU: Kesempatan cuti hujung minggu diambil kesempatan sepenuhnya oleh orang ramai yang tidak putus-putus mengunjungi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pertanian Malaysia (MAHA) Lundu 2018 di Tebingan Lundu.

Tinjauan mendapati di kebanyakan lokasi begitu sesak dengan orang ramai yang membawa ahli keluarga masing-masing untuk mengunjungi pelbagai sudut jualan dan pameran yang menarik.

Dijangkakan sekitar 20,000 pengunjung tempatan termasuk dari luar Lundu membanjiri tapak MAHA Lundu 2018.

Pelbagai program berlangsung seperti pameran dan jualan produk industri asas tani, Sukut Kulinari, Sukut Segar, Sukut Kesihatan dan Kraf, Sukut Agro Pelancongan dan Florikultur dan Sukut Perkhidmatan.

Seorang pengunjung, Ahmad Faizal Bakri 49, berkata, penganjuran MAHA Lundu memberi banyak manfaat kepada pengunjung.



Menurutnya, pameran disediakan agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi peluang kepada orang ramai mengetahui maklumat semasa berkaitan sektor pertanian.

“Orang ramai terutama usahawan dan petani mengetahui maklumat semasa dari agensi terlibat,” katanya.

Jimbai ak Tegak berkata, karnival MAHA perlu diteruskan dari semasa ke semasa kerana ia memberi banyak manfaat kepada pengunjung.

Katanya, pengunjung dari semua golongan lapisan masyarakat dapat memberi belah serta mengunjungi pameran.

“Karnival MAHA mendekatkan rakyat dan memberi manfaat kepada pengunjung,” katanya.



Seorang usahawan, Fatimah Jawahir berkata, penekanan aspek memperkasakan wanita yang ditonjolkan dalam MAHA Lundu 2018 adalah langkah yang bijak.

“Langkah memberikan keupayaan ekonomi kepada wanita, agar mereka dapat membuat keputusan sendiri dalam menentukan kehidupan.

“Sektor pertanian sememangnya menyediakan pelbagai ruang untuk sesiapa sahaja meningkatkan taraf hidup dan pendapatan,” katanya.

Beliau berkata, ramai usahawan wanita terlibat dalam MAHA Lundu terutama dalam bidang makanan serta kulinari.

Program Road to MAHA bertujuan untuk mempromosikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pertanian Malaysia (MAHA) yang bakal diadakan pada 22 November hingga 2 Disember di MAEPS, Serdang.

Ia bukan sahaja memberikan pengunjung gambaran MAHA 2018, tetapi juga memberi peluang kepada semua pihak untuk turut serta dalam MAHA 2018, samada sebagai usahawan atau rakan strategik. –Sarawakvoice



Headline	20,000 serbu Road To MAHA Lundu		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	24 Mar 2018	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	878 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,499
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 13,498



• Himpunkan usahawan wanita di seluruh Sarawak

20,000 serbu Road To MAHA Lundu

LUNDU. Sekitar 20,000 dijangka mengunjung Road To Pameran Pertanian, Horkultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) Lundu 2018 yang berlangsung di Waterfront Lundu.

Pelbagai makanan segar dan kopi serta gubahan seni kraf dan produk popular serta pameran produk pertanian menjadi pengujung sepanjang program berlangsung.

Penganjur Road To MAHA Lundu melibatkan agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani).

Pertemuan dan Negosiasi

Acara berprestij anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tersebut dijangka dirasmikan Ketua Menteri Datuk Abang Johari Tun Abang Openg pada Ahad ini.

Pegawai Daerah Lundu, Awang Putrayusrie Awang Redzuan.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datu Anthony Nogueh Gumbek berkala, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjangkakan lebih 60 peratus penglibatan wanita sepanjang penganjuran Sisi Road To MAHA Lundu.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datu Anthony Nogueh Gumbek berkala, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjangkakan lebih 60 peratus penglibatan wanita sepanjang penganjuran Sisi Road To MAHA Lundu.

setengah wanita mengambil bahagian dalam MAHA Lundu kali ini.

Kata pengasas golongan wanita dari semua agensi terlibat dalam MAHA Lundu kali ini.

"Selain itu, ia juga dapat membantu mempromosikan perniagaan usahawan-usahawan tempatan," katanya.

Nogueh berkata, penglibatan wanita bukan sahaja dalam sektor pertanian tetapi pelbagai sektor.

Menurutnya, wanita yang terlibat dari semua agensi serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta perniagaan dan usahawan termasuk dari Limbong.

Menurutnya, pelbagai program berlangsung seperti pameran dan jualan seperti Sukut Produk Industri Asas Tani, Sukut Dapur Sarawak, Sukut Bertanam Bertupi, Sukut Kraf & Kesihatan, Sukut Agro Pelancongan dan Sukut Perkhidmatan Sokongan.

"Pelbagai program ber-

langsung seperti demonstrasi masakan, perlindeangan masakan, program jemput belajar dapur, buskers, cabutan ber-

Siti Jelajah Road To MAHA yang di Tekuk Intan, Perak (31 Mac-1 April) dan Kemaman, Terengganu (5-7 April).

"Sesuai dengan konsep segainya wanita sejajar dengan pengoyoharan Tahun Momen Wanita, dijangka lebih

wan tempatan," katanya.

Nogueh berkata, penglibatan wanita bukan sahaja dalam sektor pertanian tetapi pelbagai sektor.

Menurutnya, wanita yang terlibat dari semua agensi serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta perniagaan dan usahawan termasuk dari Limbong.

Menurutnya, pelbagai program berlangsung seperti pameran dan jualan seperti Sukut Produk Industri Asas Tani, Sukut Dapur Sarawak, Sukut Bertanam Bertupi, Sukut Kraf & Kesihatan, Sukut Agro Pelancongan dan Sukut Perkhidmatan Sokongan.

"Pelbagai program ber-

langsung seperti demonstrasi masakan, perlindeangan masakan, program jemput belajar dapur, buskers, cabutan ber-

Siti Jelajah Road To MAHA yang di Tekuk Intan, Perak (31 Mac-1 April) dan Kemaman, Terengganu (5-7 April).

"Sesuai dengan konsep segainya wanita sejajar dengan pengoyoharan Tahun Momen Wanita, dijangka lebih

wan tempatan," katanya.

Nogueh berkata, penglibatan wanita bukan sahaja dalam sektor pertanian tetapi pelbagai sektor.

Menurutnya, wanita yang terlibat dari semua agensi serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta perniagaan dan usahawan termasuk dari Limbong.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2018	BERNAMA	ONLINE	

Pengeluaran ikan air tawar disasar meningkat 50 Peratus

Tarikh kemaskini: 24/03/2018

TEMERLOH, 24 Mac (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyasarkan untuk meningkatkan hasil pengeluaran ikan air tawar kepada 50 peratus bagi memenuhi permintaan pasaran dalam negara menjelang 2020.

Timbalan Menteri Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata setakat ini, jumlah pengeluaran melalui kaedah akuakultur itu hanya 30 peratus berbanding tangkapan ikan laut yang mencatat 70 peratus.

"Nisbah hasil pengeluaran ikan air tawar dan tangkapan ikan laut 30:70 dan ia masih tidak seimbang walhal ikan laut akan menghadapi masalah bekalan apabila tiba musim tengkujuh. Nelayan tidak dapat turun ke laut menangkap ikan pada musim itu dan ini menyebabkan bekalan ikan dalam negara kekurangan.

"Hal ini dapat diselesaikan jika bekalan ikan air tawar mencukupi dan berikutan itu kita menetapkan sasaran nisbah pengeluaran ikan air tawar dan ikan laut 50:50 menjelang 2020," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutup Pesta Memancing Temerloh di Estet Paya Lanar, Kampung Mempatih dekat Lanchang hari ini.....

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2018	MY NEWS HUB	ONLINE	

Pengeluaran Ikan Air Tawar Disasar Meningkatkan 50%

Published on Mar 24, 2018 in [Terkini](#)



TEMERLOH – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyasarkan untuk meningkatkan hasil pengeluaran ikan air tawar kepada 50 peratus bagi memenuhi permintaan pasaran dalam negara menjelang 2020.

Timbalan Menteri Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata setakat ini, jumlah pengeluaran melalui kaedah akuakultur itu hanya 30 peratus berbanding tangkapan ikan laut yang mencatat 70 peratus.

"Nisbah hasil pengeluaran ikan air tawar dan tangkapan ikan laut 30:70 dan ia masih tidak seimbang walhal ikan laut akan menghadapi masalah bekalan apabila tiba musim tengkujuh. Nelayan tidak dapat turun ke laut menangkap ikan pada musim itu dan ini menyebabkan bekalan ikan dalam negara kekurangan.

"Hal ini dapat diselesaikan jika bekalan ikan air tawar mencukupi dan berikutan itu kita menetapkan sasaran nisbah pengeluaran ikan air tawar dan ikan laut 50:50 menjelang 2020," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutup Pesta Memancing Temerloh di Estet Paya Lanar, Kampung Mempatih dekat Lanchang hari ini.

Majlis itu turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Pahang Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin, Ketua Pengarah Perikanan Datuk Munir Mohd Nawi dan Pengarah Perikanan Pahang Azahari Othman.

Antara program dijalankan pada majlis itu ialah pertandingan memancing, pelbagai pameran pertanian, demonstrasi penyediaan 'snow fish' dan rumpai laut serta pertandingan memasak.

Tajuddin berkata antara kelebihan ikan tawar ialah mampu ditenak dalam sangkar mahupun kolam sepanjang tahun tanpa mengira musim dan setakat ini terdapat 22,000 penternak ikan air tawar seluruh negara yang mengeluarkan hasil purata 500,000 tan metrik setahun.

"Sementara hasil pengeluaran tangkapan ikan laut ialah 1.1 juta tan metrik setahun. Kita memerlukan tambahan ikan air tawar bagi mengimbangi kedua-dua pengeluaran ini," katanya.

Beliau berkata strategi bagi mencapai sasaran berkenaan ialah dengan menggalakkan lebih ramai penduduk menjalankan ternakan ikan tawar di kawasan masing-masing khususnya di kampung.

"Sekarang ramai merungut kenaikan harga barang. Kita boleh mengatasinya dengan meningkatkan hasil pendapatan sendiri dan salah satu cara dengan menternak ikan air tawar, ia bukan sahaja boleh meningkatkan hasil pengeluaran ikan bahkan mewujudkan peluang dalam sektor lain seperti eko pelancongan setempat.

"Kita boleh menyediakan perkhidmatan kolam pancing dan rumah tamu untuk menarik pelancong di mana ini memberi nilai tambah kepada sektor ternakan sedia ada," katanya. – BERNAMA